

# Bentuk Tatanegara dan Kedudukan Pemerintahan

Oleh: Hisham Hanifah

Rencana ini dipetik dari majalah "*Badan Bahasa - Pustaka, Persekutuan Melayu Mesir*" Bilangan

(2) Oktober 1962. Kami siarkan bagi tatapan pembaca-pembaca di samping memperkenalkan adanya sebuah lida yang dapat menyuarakan pendapat-pendapat dan buah fikiran pelajar-pelajar kita di luar tanah air.

## Sistem Pemerintahan

Untuk memperkatakan soal ini kita harus kembali kepada pembahagian pemerintahan dengan berdasarkan peredaran masa di samping memperhatikan sejauh mana perubahan dan fikiran rakyat terhadap kebebasan berpolitik, dan kepada penentuan hak di dalam pemerintahan sewaktu pemerintahan itu menjalankan urusannya. Pernah berlaku perbalahan antara kerajaan dan rakyat di dalam sebuah pemerintahan yang di bawah suatu pertadbiran secara perseorangan, di mana rakyat mendesak menuntut hak mereka di dalam pemerintahan, mahu kemerdekaan penuh tidak rela diperhambakan, mahu persamaan hak peri kemanusiaan tidak sanggup menerima perbezaan atau kelas.

Dari gambaran tersebut di atas itu para ahli sarjana dapat memecahkan soal ini kepada beberapa sistem pemerintahan:

Otokrasi (kuasa penuh dilakukan oleh orang seorang) sistem ini terbahagi kepada dua (a) Sistem Beraja (b) Sistem Diktator.

(A) Sistem Beraja: Ialah sebuah kerajaan yang dikuasai oleh raja sendiri di dalam menjalankan urusan pemerintahan, siapa pun tidak dibolehkan untuk turut sama dalam soal kerajaan, oleh kerana raja tidak memberi peluang langsung kepada rakyat turut sama memimpin negara. Rajalah yang mengubah dan menyusun undang-undang mengikut kehendak hatinya dalam semua segi urusan kerajaan, demikian juga halnya menjalankan sesuatu hukum. Rakyat hanya menerima - patuh dan taat - kepada apa yang telah diperundangan oleh raja. Dan rakyat adalah

dihukum bersalah dan menderhaka seandainya melewati batasan tersebut. Ringkasnya "rajalah sebagai ketua negara, di dalam tangannya segala urusan pemerintahan. Rakyat hanya patuh semata-mata tanpa boleh bersuara." Kerajaan beraja ini terus diwarisi dari satu masa ke satu masa oleh kaum kerabat diraja.

(B) (Kuasa mutlak di tangan seorang) pemerintahan secara diktator ini, adalah sebagaimana halnya pemerintahan beraja, cuma berbezaan pemerintahan diktator ini, ialah sebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang atau ketua negara. Ketua negara ini lebih dahulu berusaha dengan penuh tenaga untuk mendapatkan kuasa memerintah - ketua negara apabila teraju pemerintahan itu sudah diperolehi, ia terus tidak memberikan sebarang hak kepada rakyat untuk bersama-sama di dalam soal pentadbiran negara. Bahkan dia sendiri yang mengendalikan teraju pemerintahan dengan tidak berpandukan kepada fikiran-fikiran orang lain atau mengikut kehendak rakyat atau dalam erti kata lain "*diktator ialah sebuah kerajaan yang dipimpin oleh seorang kepala negara yang bertindak dengan sewenang-wenangnya dalam soal pemerintahan dan mengkesampingkan fikiran dan cita-cita rakyat*".

Sistem ini ada kalanya mendatangkan keuntungan dan ada kalanya menghampakan kehendak-kehendak rakyat.

## Antara Aristokrasi dan Demokrasi

(1) Pemerintahan Aristokrasi (pemerintah di bawah golongan kecil ahli bijak pandai) sistem pemerintahan ini ialah sebuah kerajaan yang dipimpin oleh segelintir manusia berada dan mempunyai kedudukan tinggi di kalangan rakyat atau di kalangan masyarakatnya, pemerintahan ini tidak

dikendalikan oleh seorang yang tertentu selaku ketua negara, sebagaimana halnya bentuk pemerintahan otokrasi, dan tidak pula dari keseluruhan rakyat sebagaimana bentuk demokrasi yang lahir dari rakyat untuk rakyat dan kerana rakyat. Tegasnya corak pemerintahan aristokrasi ialah sebuah kerajaan yang bersistem di mana akan berlaku suatu perubahan corak pemerintahan dari otokrasi kepada pemerintahan demokrasi.

Meskipun demikian sistem pemerintahan ini belum boleh diakui layak dan sesuai dengan erti kata yang sebenarnya di dalam zaman peredaran ini, oleh sebab pemerintahan ini tidak mewakili seluruh rakyat yang mana akhirnya sistem kerajaan ini akan bertukar coraknya kepada suatu bentuk pemerintahan demokrasi yang mewakili seluruh rakyat.

(2) Pemerintahan Demokrasi (pemerintahan ciptaan rakyat) negara demokrasi ialah sebuah kerajaan yang berlainan kedudukan dari corak pemerintahan otokrasi dan pemerintahan aristokrasi, sistem pemerintahan demokrasi adalah rakyat diberi kebebasan penuh di dalam gelanggang politik, tidak terbatas kepada golongan atasan semata-mata sebagaimana halnya sistem pemerintahan otokrasi, dan berlainan pula dari keadaan pemerintahan aristokrasi. Bahkan pemerintahan rakyat adalah diberi peluang dan turut sama di dalam menentukan sikap negeri seperti mengubah undang-undang atau perlembagaan negara. Dengan ringkas pemerintahan demokrasi ialah “sebuah kerajaan yang dibentuk mengikut cita-cita rakyat, dan rakyatlah yang menentukan polisi negara”.

Patut diingat, di dalam menuju pemerintahan demokrasi terlebih dahulu melalui beberapa corak pemerintahan, seperti pemerintahan beraja yang mempunyai perlembagaan, di mana raja bersama rakyat untuk mengubah undang-undang yang akan dijalankan di dalam negara itu, rakyat dan raja berganding tangan, bahu membahu di dalam penyatuan dan membentuk negara.

Di zaman permulaan semua corak pemerintahan adalah  
Jeneral Abd al-Karim Qasim bekas *President* Republik Iraq yang pertama yang telah dihukum tembak oleh tentera yang menggulingkan kerajaan.



berbentuk otokrasi, seperti Republik Arab Bersatu dan sebelumnya meletus Revolusi Agung 3 hari bulan Julai 1952, dan masih didapati juga di saat ini seperti Saudi Arabia dan Yaman sebelum revolusi yang baharu berlaku pada tanggal 27 hari bulan September 1962.

Demikian juga halnya kerajaan Eropah sebelum pembaharuan dalam sistem pemerintahan dan revolusi fikiran berlaku di sana, di mana raja berkuasa penuh di dalam menjalankan urusan-urusan dan polisi kerajaan, rakyat tidak diberi peluang langsung dalam soal pemerintahan.

Dunia terus berputar, zaman terus beredar dari satu masa ke satu masa dan rakyat pun mulai menyedari hak-hak mereka secara perundingan di akhir abad yang ketujuh belas di mana seruan demokrasi mulai bergema di angkasa lepas, seruan ini sedikit demi sedikit meresap dan mendapat tempat di hati rakyat, dan terus menjadi darah daging kepada rakyat sehingga akhirnya rakyat melancarkan pemberontakan untuk melakukan pemberantasan terhadap pemerintahan beraja secara otokrasi.

Acap kali seruan demokrasi itu bergema dengan hebatnya, maka semangat rakyat pun turut berkubur cintakan demokrasi berjuang terus mempertahankan hak-hak mereka selaku warganegara, rakyat terus mendesak dan menuntut hak untuk bersama dalam soal kenegaraan dengan raja. Akhirnya dengan beransur-ansur sistem pemerintahan secara otokrasi menjadi malap dan pudar tanpa mempunyai sinar lagi di alam manusia ini. Dari hal yang demikian maka timbullah di sana suatu corak pemerintahan beraja tetapi berperlembagaan, di mana raja dan rakyat berganding tangan bekerjasama di dalam menjalankan urusan agama.

Seruan dan kempen-kempen ke arah pembentukan demokrasi berjalan terus - bagaikan ribut memukul ombak padahnya - tidak berhenti setakat ini malahan ibarat fajar menyingsing<sup>1</sup> kelihatan terang, memberi harapan baharu kepada penghuni alam ini.

Sistem berdemokrasi terus bertapak, di mana didapati setengah-setengah negara telah timbul pemberontakan menentang habis-habisan wujudnya pemerintahan beraja, sama ada bercorak otokrasi mahupun beraja yang berperlembagaan kerajaan

kuku besi, kerajaan orang seorang dan kerajaan secara otokrasi dihancurkan. Maka di atas kehancuran itu mereka tegakkan sebuah negara yang dipanggil "*negara republik*" atau "negara rakyat". Hal yang demikian ini telah menjadi bukti dan kenyataan bagi kita semua sebagaimana Republik Arab Bersatu, Republik Indonesia, Amerika dan lain-lain lagi, yang mana negara-negara republik ini telah timbul bagaikan cendawan sesudah peperangan dunia yang pertama dan kedua berlaku. Sehingga ke hari ini sebagaimana yang telah berlaku baharu-baharu ini di Yaman. Revolusi Yaman adalah revolusi rakyat, bangun untuk membanteras sistem beraja yang bercorak otokrasi.

Rakyat memilih bentuk pemerintahan republik adalah kembali kepada suatu hakikat yang mana bentuk pemerintahan otokrasi atau beraja itu jauh dari cita-cita atau matlamat demokrasi, manakala pemerintahan republik pula akan menyalurkan kepada lahirnya suatu bentuk pemerintahan demokrasi yang menjadi impian rakyat, dan rakyat yang menjadi raja, yang mana pemerintahan secara beraja atau otokrasi adalah teraju kerajaan itu dipegang oleh seorang raja dengan secara turun-temurun dari bapa kepada anak dan seterusnya untuk selama-lamanya, yang mana pemerintahan ini tidak mengakui langsung adanya bakal yang akan menjadi raja atau kepala negara itu dari kalangan rakyat, meskipun raja yang memegang tampuk kerajaan secara turun-temurun itu tidak disukai oleh rakyat sebagai kepala negara untuk menjalankan urusan kenegaraan.

Adapun bentuk pemerintahan republik ialah suatu cetusan pemerintahan yang lahir dari cita-cita rakyat dan untuk rakyat. Yang mana ketua negara adalah dipilih oleh rakyat untuk memimpin negara di dalam masa yang tertentu, bukan untuk sepanjang-panjang hayatnya, dengan ini kehendak rakyat dapat terlaksana, rakyat dapat menikmati dalam pemerintahan atau negara dengan erti kata yang sebenar-benarnya, yang mana rakyat boleh bersuara dan memperhatikan perjalanan ketua negara selama ketua itu menjalankan urusan pemerintahan. Rancangan kerajaan yang membawa kepada kemajuan dan kemakmuran harus mendapat sokongan dari rakyat manakala yang akan membawa kepada kerosakan harus pula ditentang dengan sehebat-hebatnya.

(bersambung)

<sup>1</sup> Perkataan sebenar ialah menyingsing